

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID  
(KUALA LANGAT)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 29.10.2014**

**Y.B. TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID [ KUALA LANGAT ]**

minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah yang diambil kerajaan untuk memastikan penjawat awam tidak terbeban di atas pelaksanaan GST yang akan dilaksanakan pada April 2015.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan telah mengambil kira kepentingan semua golongan termasuklah penjawat awam dalam pelaksanaan GST dan seperti sedia maklum, GST

bukanlah cukai baru tetapi akan menggantikan Cukai Jualan - 10% dan Cukai Perkhidmatan - 6% sedia ada. Selama ini, rakyat telahpun membayar Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan bagi sesetengah barang dan perkhidmatan tanpa mereka sedari. Dengan GST, tiada lagi cukai berganda (10% + 6%) dikenakan menjadikan harga bagi barang dan perkhidmatan tertentu akan menjadi lebih kompetitif.

Di bawah GST yang diperkenalkan Kerajaan juga, golongan berpendapatan rendah akan sentiasa dilindungi kerana terdapat barangan dan perkhidmatan yang dikenakan GST pada kadar sifar (zero-rated). GST yang berkadar sifar bermaksud pembekalan yang tertakluk kepada kadar sifar yang mana tidak dikenakan GST pada peringkat output dan input.

Semasa pembentangan bajet 2015 yang lalu, Kerajaan telah mengambil tindakan berdasarkan maklumbalas daripada pelbagai lapisan masyarakat, Kerajaan telah bersetuju untuk meluaskan skop barang dan perkhidmatan yang tidak dikenakan GST. Antara penambahannya adalah:

- Semua jenis buah-buahan tempatan dan diimport;
- Roti putih dan roti *wholemeal*,

- Serbuk kopi, serbuk teh dan serbuk koko;
- Mi kuning, kue tiau, laksa dan bihun;
- Ubat-ubatan Penting Nasional yang meliputi hampir 2,900 jenama ubat. Ubat-ubatan ini adalah bagi kegunaan rawatan untuk 30 jenis penyakit termasuk sakit jantung, kencing manis, darah tinggi kanser dan rawatan kesuburan;
- Bahan bacaan seperti buku mewarna kanak-kanak, buku latihan dan buku rujukan, buku teks, kamus dan kitab agama; dan
- Surat khabar.

Selain itu, Kerajaan juga bersetuju menaikkan kadar penggunaan elektrik yang tidak dikenakan GST daripada 200 unit kepada 300 unit pertama. Ini bermakna, sebanyak 70 peratus isi rumah akan mendapat manfaat langsung.

Bagi membantu golongan berpendapatan rendah dan sederhana termasuk penjawat awam, Kerajaan akan memberikan bantuan tunai secara *one-off* sebanyak RM300 kepada penerima BRIM.

Kerajaan juga sedar terdapat golongan peniaga yang cuba

mengambil kesempatan dari pelaksanaan GST dengan menaikkan harga secara tidak munasabah di mana ini akan membebankan pengguna termasuk penjawat awam. Sehubungan dengan ini, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) akan menguatkuasa Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011. Kerajaan juga akan mengeluarkan '*shoppers guide*' dengan izin untuk membantu pengguna membuat perbandingan sebelum dan selepas